



# KOPERKASA

KOPERASI KOPERKASA SARAWAK BERHAD

<https://www.koperkasa.com.my>



Dari kiri: Haji Jaya Suria Bin Muss (Pengurus Besar), IR. Zaidi Bin Pathi (Pengerusi JKK Pembiayaan), Dayang Noraliza Binti Awang Abdul Rahman (Pemenang Hadiah Pertama), Fathi Bin Haji Hambali (Pengerusi Koperkasa) dan Lim Siok Chin (Pengurus Bahagian Pembiayaan)

## MAJLIS PENYAMPAIAN HADIAH CABUTAN BERTUAH & MAJLIS PENYAMPAIAN SUMBANGAN INSURAN ETIQA TAKAFUL

Selasa, 2 Mac 2021 - Koperasi Koperkasa Sarawak Berhad buat julung kali nya telah menawarkan hadiah cabutan bertuah kepada anggota-anggotanya yang telah mendapatkan pembiayaan daripada Koperkasa sepanjang tempoh dari 15 Julai 2020 hingga 31 Disember 2020.

Penyampaian hadiah cabutan bertuah kepada para pemenang telah disempurnakan oleh Fathi Bin Haji Hambali, Pengerusi Koperkasa dalam satu majlis ringkas mengikut SOP yang diadakan di ibu pejabat Koperkasa Kuching pada hari Sabtu, 27 Februari 2021 yang lepas.

Dalam ucapan Pengerusi (gambar), beliau telah memaklumkan bahawa hadiah ini adalah sebagai salah satu penghargaan Koperkasa kepada anggota-anggota yang setia selain daripada pemberian dividen tahunan, kemudahan kebajikan dan insentif anggota.

Sebagai perbandingan, beliau menyatakan dengan keuntungan tahun 2018 sebanyak RM7.3 juta, Koperkasa mampu memberikan dividen syer sebanyak 6.0%, Modal Yuran Bulanan 4.0% dan Simpanan Peribadi 1.5% manakala pada tahun 2019 dengan keuntungan sebanyak RM10.1 juta, Koperkasa telah memberikan dividen syer sebanyak 7.0%, Modal Yuran Bulanan 4.15% dan Simpanan Peribadi 1.5%.



Fathi Bin Haji Hambali, Pengerusi Koperkasa semasa ucapan

Dengan prestasi ini, Koperkasa boleh dikatakan setanding dengan institusi kewangan yang lain dari segi pulangan.

Bagi tahun 2020 pula, dijangkakan keuntungan akan menurun sedikit disebabkan situasi pandemik Covid19 yang telah melanda seluruh dunia dan Koperkasa tidak terkecuali menerima impak yang sama, namun Koperkasa akan berusaha untuk mencadangkan pulangan yang kompetitif kepada anggota dalam Mesyuarat Agung yang bakal diadakan dalam masa beberapa bulan lagi, bergantung kepada keadaan semasa pandemik Covid19.

Koperkasa juga turut menawarkan moratorium sebanyak 2 bulan kepada anggota yang telah mendapat pembiayaan daripada Koperkasa pada tahun 2020 sebagai salah satu usaha lain membantu anggota semasa waktu sukar di awal pandemik Covid19.

Dalam pada itu, Koperkasa juga telah diiktiraf sebagai salah satu koperasi terbaik dalam kelompok 100 koperasi terbaik di Malaysia di mana Koperkasa telah mencapai kedudukan yang ke-24 bagi tahun 2017, kedudukan ke-16 bagi tahun 2018 dan kedudukan ke-16 bagi tahun 2019.

Bagi tahun 2020 pula, Koperkasa telah diiktiraf sebagai koperasi yang ke-12 terbaik di Malaysia dan adalah menjadi impian Koperkasa untuk mencapai kelompok 10 koperasi terbaik di Malaysia dalam beberapa tahun yang akan datang.

Selain itu, beliau juga menambah dengan kemampuan dan perkembangan teknologi, salah satu pencapaian Koperkasa dalam tahun 2020 adalah pembinaan sistem atas talian iaitu Portal myKoperkasa yang membolehkan anggota memeriksa baki akaun dan membuat pengeluaran secara atas talian.

Secara keseluruhannya, Koperkasa masih mampu memberikan pulangan yang kompetitif dan memberikan sumbangan kebajikan kepada anggota-anggota seperti sumbangan bantuan bencana banjir kepada yang layak pada baru-baru ini.



Dari kiri: Abdoll Kader Bin Osman (Setiausaha Koperkasa), Darti Binti Darinthi (Waris Allahyarham), Fathi Bin Haji Hambali (Pengerusi Koperkasa) dan Jaris Ting Kaik Hang (Bendahari Koperkasa)

Pada majlis ini juga, Koperkasa telah menyampaikan cek sumbangan insuran Etiqa Takaful Koperkasa berjumlah RM121,654.13 kepada waris kepada salah seorang Anggota Lembaga, Allahyarham Bujang Redzuan Bin Mohamed yang telah meninggal semasa dalam perkhidmatan.

Gambar-gambar semasa majlis:



